



## **LEMBAGA PEMBANGUNAN SENI VISUAL NEGARA (KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA MALAYSIA)**

Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara (LPSVN), Agensi Badan Berkanun di bawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia menjemput warganegara Malaysia yang berkelayakan, berpengalaman dan berminat serta berdedikasi bagi mengisi kekosongan jawatan yang bertaraf **pembekal khidmat (Contract For Service)** melalui satu perjanjian /kontrak dari setahun ke setahun berdasarkan keperluan seperti berikut;

### **KLASIFIKASI PERKHIDMATAN : KEJURUTERAAN**

#### **1. SYARAT LANTIKAN**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (c)
  - i. Sijil Politeknik
    - Bidang/Kelayakan Khusus: Sijil dalam bidang ukur bahan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
  - ii. Diploma
    - Bidang/Kelayakan Khusus: Diploma dalam bidang ukur bahan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
- (d) Syarat Bahasa Melayu : Kepujian di peringkat SPM/SVM; dan
- (e) Bidang Kelayakan Akademik : Ukur Bahan

#### **2. BAYARAN PERKHIDMATAN BULANAN**

RM 1,775.00

### **3. DESKRIPSI TUGAS**

Bertanggungjawab membantu Juruukur Bahan memberi perkhidmatan dalam kerja-kerja pakar ukur bahan di peringkat pra dan pos kontrak, memberikan khidmat nasihat dan runding cara kos pembinaan, menjalankan pembangunan dan penyelidikan berkaitan dasar mengenai tender dan kontrak kerajaan serta memberi khidmat keurusetiaan tender, kontrak dan pelantikan perunding ikhtisas.

### **4. CARA MEMOHON**

Semua permohonan hendaklah disertakan dengan sekeping gambar terbaru berukuran pasport, salinan sijil kelahiran, salinan kad pengenalan, salinan sijil-sijil persekolahan dan kelulusan yang berkelayakan yang diiktiraf oleh kerajaan serta dokumen-dokumen lain yang berkaitan melalui email ke [humanresources@artgallery.gov.my](mailto:humanresources@artgallery.gov.my) **sebelum atau pada 27 Oktober 2021 (Rabu)**.

**TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 27 OKTOBER 2021**

### **CATATAN AM**

- (a) Hanya pemohon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil menghadiri temuduga.
- (b) Permohonan yang tidak menerima jawapan selepas satu (1) bulan dari tarikh tutup iklan hendaklah dianggap tidak berjaya.
- (c) Segala perbelanjaan menghadiri temuduga adalah ditanggung sepenuhnya oleh pemohon.
- (d) Sebarang pertanyaan sila hubungi Seksyen Pengurusan Sumber Manusia di talian **03-4026 7000**.